

Gaji penjawat awam naik Oktober ini

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

LANGKAWI: Kerajaan akan menaikkan gaji kira-kira 1.6 juta penjawat awam dalam amaun kecil buat sementara waktu melalui Belanjawan Madani 2024 sebelum kenaikan berkala bagi setiap 10 tahun yang akan diselesaikan selewat-lewatnya tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, gaji penjawat awam yang menjadi tunjang utama kerajaan sepatutnya telah dinaikkan dua tahun lalu, namun kerajaan ketika itu tidak melaksanakannya termasuk melakukan kajian mengenai skim gaji dan persaraan golongan tersebut.

Menurutnya, mesyuarat bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum ini mengesahkan tidak ada sebarang langkah dibuat oleh kerajaan terdahulu untuk melihat perkara tersebut termasuk mengadakan sekurang-kurangnya mesyuarat berkaitan perkara itu.

“Setiap 10 tahun dari zaman Tun Abdul Razak Hussein sampai Datuk Seri Najib Razak ada gaji dinaikkan tetapi sejak mereka perintah tiga tahun lalu, jangan kata naik gaji mesyuarat pun tak ada.

“Kalau boleh naikhlah sedikit tetapi memang kena naik sebab inflasi turut naik. Jadi keputusan kita hasil mesyua-



ANWAR Ibrahim menyambut Wang Yi yang mengadakan kunjungan hormat ke atas beliau sempena lawatan rasmi dua hari ke Malaysia, semalam. - PEJABAT PERDANA MENTERI

rat bersama Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) kita teliti balik,” katanya pada program Walkabout Pelancongan dan perasmian Geopark Discovery Centre (GDC) LADA di sini, semalam.

Sementara itu, di Pulau Pinang, Anwar menerima kunjungan hormat Menteri Luar China, Wang Yi, yang mengadakan lawatan ke negara ini dalam usaha meningkatkan kerjasama pertahanan dua hala.

Menurut Perdana Menteri,

pertemuan itu menandakan kepentingan hubungan perdagangan kedua-dua negara yang menyaksikan China kekal rakan dagang terbesar Malaysia sejak 2009 dengan jumlah perdagangan sebanyak RM488 bilion pada 2022.

“Tahun ini adalah ulang tahun ke-10 Perkongsian Strategik Komprehensif Malaysia-China dan kedua-dua negara juga akan menyambut ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik tahun depan, menandakan persahabatan yang lama terjalin dan kerjasama mantap dalam pelbagai sektor,” katanya.